



ANTARA penyelidik UniSZA yang meraih pingat emas dalam PECIPTA 2015.

UniSZA cemerlang cipta produk

Kuala Nerus: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sekali lagi cemerlang apabila meraih empat pingat emas, satu perak dan enam gangsa menerusi produk dicipta penyelidiknya pada Persidangan dan Ekspos Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2015 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), baru-baru ini.

Dalam PECIPTA itu, Dr Abd Jamil Zakaria dari Institut Pengeluaran Pertanian dan Inovasi Makanan yang

mempertaruhkan produk 'Superb Growing Media for Plant Propagation and Containerized Planting' iaitu bahan alternatif bagi penanaman pokok dan tumbuhan meraih emas untuk UniSZA.

Pingat emas kedua pula diraih Mohd Hosni Rifin dari Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi yang mempertandingkan produk beg galas dengan ciri-ciri keselamatan tambahan.

Turut memenangi pingat emas untuk UniSZA ialah Azwa Abdul Aziz dari Fakulti

Informatik dan Komputeran menerusi produk 'MyNest 2.0' iaitu perisian komputer yang dapat memantau dan memberi amaran kepada pengguna terhadap sebarang kecemasan di sesebuah tanah perumahan.

Dr Ho Lee Hoon dari Fakulti Biosumber dan Industri Makanan turut menyumbang pingat emas kepada universiti itu menerusi produk 'MacroLYTE' iaitu snek makanan memberikan tenaga tambahan kepada pengguna.